

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HKN 204 - Kesusasteraan Bercorak Islam di Nusantara

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan, DUA (2) soalan daripada tiap-tiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Sejauh manakah dapat dikatakan bahawa Hikayat Nur Muhammad merupakan karya metafizik yang memancarkan fahaman ahli-ahli Sufi tentang kewujudan alam? Berikan jawapan dengan sokongan hujah yang mantap dan kritis.
2. 'Maulud Jawi ialah sebuah karya bercorak Islam yang amat serius dan menarik'  
  
Sejauh manakah kenyataan ini benar? Berikan jawapan anda dengan meneliti beberapa pokok persoalan dan cara pengutaraannya di dalam karya ini?
3. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang wajar, bincangkan secara kritis ciri-ciri umum karya fiksyen Islam yang terpancar di dalam Hikayat Tamim al-Dari?
4. Pada pandangan anda mengapakah dikatakan Hikayat Maharaja Ali sebuah karya cerita berbingkai yang menyimpang daripada pengertian umum Cerita Berbingkai? Kemudian dengan hujah yang kritis, perlihatkan bagaimana karya ini dapat difahami secara simbolik?

BAHAGIAN B

5. Semasa hayatnya Sultan Iskandar Thani telah membina sebuah taman yang dinamakan Taman Ghairah.

Secara kritis nilaikan gambaran yang dibuat oleh Nuru'd-din ar-Raniri tentang taman ini di dalam karyanya Bustanu's-Salatin. Berikan juga tafsiran anda tentang taman ini dengan merujuk kepada unsur-unsur atau benda-benda tertentu yang terdapat di dalamnya.

6. C. Skinner telah menyatakan bahawa bahagian pembukaan atau exordium Sja'ir Perang Mengkasar adalah unik. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini? Berikan jawapan anda dengan merujuk kepada bahagian tersebut secara terperinci.

7. Dengarkan sini hai anak ratu  
Ombak dan airnya asalnya satu  
Seperti manikam muhith dengan batu  
Inilah tamsil engkau dan ratu.

Secara kritis nilaikan diksi dan penggunaan imej dalam puisi di atas yang dipetik dari Ruba'i Hamzah Fansuri. Tunjukkan juga kaitan antara aspek-aspek tersebut dengan idea-idea kesufian yang dikemukakan oleh Hamzah Fansuri dalam keseluruhan karyanya itu.

8. Bincangkan secara kritis bagaimana pengarang Hayy Bin Yagzan menggunakan watak Hayy untuk menyampaikan pandangan falsafahnya tentang kesatuan dan hirarki ilmu. Perbincangan anda hendaklah berasaskan teks Melayu hasil terjemahan Ahmad Abdul Qadir Bin Abdul Rahman.

-oooO00ooo-